

PEMBELA-PEMBELA KELUARGA NABI S.A.W. & PARA SAHABAT

RISALAH PEMURNIAN AQIDAH

ISU 2009

SYIAH DAN KESESATANNYA

Akhir-akhir ini terdapat kecenderungan orang Islam mencemuh dan mengutuk para sahabat Nabi r.hum., bahkan lebih parah lagi melabelkan mereka sebagai munafiq dan kafir. Mereka melontarkan tuduhan bahawa sahabat menyembunyikan fakta-fakta penting agama dan juga menyelewengkan al-Quran. Justeru mereka meragui kebenaran dan kesahihan ajaran Islam yang ada pada hari ini lantaran ianya dibawa oleh sahabat Nabi s.a.w dan sebagai alternatif mereka cuba menampilkan satu bentuk ajaran lain yang kononnya datang dari anak cucu Nabi s.a.w. (Ahlul bait)

Risalah ini bertujuan untuk memberi maklumat dan penjelasan kepada masyarakat mengenai fahaman Syi'ah* supaya mereka menjauhi dan tidak terpengaruh dengan fahaman tersebut dan bertujuan menyedarkan mereka yang terbabit bahawa pegangan faha-

SIAPAKAH SYI'AH?

Syi'ah ialah golongan yang mendakwa Sayyidina 'Ali lebih utama daripada sahabat-sahabat lain dan mengkafirkan sahabat-sahabat yang lain. Inilah perkara pokok yang membezakan golongan Syi'ah daripada golongan-golongan Islam yang lain. Terdapat beberapa banyak aliran di dalam Syi'ah itu sendiri yang pada dasarnya masing-masing mempunyai konsep yang tersebut di atas. Tetapi aliran-aliran itu berbeza antara satu dengan yang lain kerana wujudnya fahaman-fahaman atau ajaran-ajaran yang saling berbeza. Tetapi tumpuan yang utama akan diberikan kepada Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah kerana kekeliruan yang timbul di dalam masyarakat sekarang ini ialah berhubung dengan Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah. Syi'ah inilah yang dipertikaikan oleh para 'ulama' di setiap tempat pada masa ini kerana ramainya bilangan mereka dan kedudukan mereka yang semakin popular terutama selepas tercetusnya revolusi di Iran.

SYI'AH IMAMIYYAH ITHNA 'ASYARIYYAH

Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah ialah Syi'ah yang mempercayai keimaman dua belas orang imam secara berturut seperti di bawah ini:-

1. 'Ali bin Abi Talib (wafat 40 H)
2. Hasan bin 'Ali (wafat 50 H)
3. Husain bin 'Ali (wafat 61 H)
4. 'Ali Zainal 'Abidin bin Husain (wafat 94 H)
5. Muhammad al-Baqir bin 'Ali Zainal 'Abidin (wafat 117 H)
6. Ja'far as-Sadiq bin Muhammad al-Baqir (wafat 148 H)
7. Musa al-Kazim bin Ja'far as-Sadiq (wafat 183 H)
8. 'Ali ar-Ridha bin Musa Kazim (wafat 202 H)
9. Muhammad al-Jawaad bin 'Ali ar-Ridha (wafat 220 H)
10. 'Ali bin Muhammad al-Jawaad (wafat 254 H)
11. Hasan bin 'Ali al-'Askari (wafat 260 H)
12. Muhammad bin Hasan al-'Askari al-Mahdi (ghaib 260 H)



Lakaran Imam 12 Syi'ah

Muzakarah Jawa-tankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam dalam keputusannya yang bertarikh 5 Mei 1996 telah mewartakan kesesatan Syi'ah dan **mengharamkan** pengamalannya di Malaysia.

Antara negeri yang telah mewarta dan mengharamkan Syi'ah;

Selangor:
19 Januari 1998

W.Persekutuan:
3 April 1997

Terengganu:
25 September 1997

P. Pinang:
16 Januari 1997

N.Sembilan:
12 Mac 1998

Kelantan:
September 1987

Rujukan Lanjut:
www.islam.gov.my/e-rujukan/syiah.html

*Syi'ah ini dianuti secara meluas di Iran. Puak Hizbullah yang kini diangkat sebagai pejuang Islam sebenarnya menganut fahaman Syi'ah

Mereka percaya Imam Kedua Belas telah ghaib dan ia akan muncul kembali ke dalam masyarakat setelah dunia ini dipenuhi dengan kezaliman dan kekacauan. Mereka juga percaya kepada al-bada', ar-raj'ah, tahrif al-Qur'an, (akan dijelaskan secara terperinci di dalam siri2 kemudian), kemurtadan para sahabat termasuk Sayyidina Abu Bakar, 'Umar, 'Utsman r.a. dan sahabat-sahabat besar Rasulullah s.a.w. yang lain, 'ismah para imam dan lain-lain. Biasa juga Syi'ah ini disebut sebagai **Syi'ah Imamiyyah** atau **Ja'fariyyah** sahaja. Syi'ah ini juga dikenali sebagai **Rafidhah** kerana fahaman-fahaman dan 'aqidah-'aqidahnya yang melampau.

Di Malaysia kumpulan Syi'ah ini dipercayai mula bertapak di Malaysia selepas kejayaan Revolusi Iran pada tahun 1979. Pengaruh ajaran dan fahaman kumpulan ini menular ke negara ini melalui bahan-bahan bacaan dan orang perseorangan sama ada yang berkunjung ke Iran atau yang datang dari Iran. Fahaman Syi'ah ini bertambah meruncing apabila beberapa orang pensyarah universiti tempatan telah memainkan peranan untuk menyebarkan fahaman Syi'ah Ja'fariyah secara serius kepada para pelajar di Institut Pengajian Tinggi. Pengaruh fahaman Syi'ah ini kian menular ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, antaranya Kelantan, Johor, Perak, Wilayah Persekutuan dan Selangor.

BEBERAPA CONTOH PENYELEWENGAN SYI'AH

♦**SYI'AH - Al-Quran Sudah Diseleweng.** Sudah menjadi aqidah Syi'ah bahawa Al-Quran sekarang ini telah diubah, ditokok-tambah dan diselewengkan. Di dalam kitab Al-Fashlu Al-Khitaab at-Thabarsi menukulkan kata-kata Sayyid Ni`matullah al-Jazaairi: "*Bahawa tokoh-tokoh Syi'ah telah sepakat tentang sahihnya hadits-hadits yang sampai ke peringkat mutawaatir yang menunjukkan dengan jelas tentang berlakunya penyelewengan al-Quran (An-Nuuri At-Thabarsi, Fashlu al-Khitaab, hal. 30)*

AGAMA ISLAM - Tidak perlu dijelaskan hukum meragui kitab suci al-Quran.

♦**SYI'AH - Imam Adalah Maksim.** Dinyatakan dalam Kitab 'Aqid al-Imamiah oleh Syekh Muhammad Redha al-Muzaffar, hal. 72: *Akidah Kami Tentang Imam itu Maksim Kami dipercayai bahawa imam-imam itu seperti nabi-nabi, ia wajib maksim dan terpelihara daripada sifat-sifat yang buruk dan keji yang nyata dan yang tersembunyi, semenjak daripada kecil sehinggalah mati, sengaja atau lupa sebagaimana mereka juga terpelihara daripada sifat lupa, tersalah dan lain-lain. Khomeini menyatakan: "Kita tidak dapat menggambarkan para imam itu mempunyai sifat lupa dan lalai." (Khomeini, Al-Hukumah Al-Islamiah, hal. 91)*

Bahkan imam-imam dianggap lebih tinggi kedudukannya dari Nabi-nabi a.s. Perkara ini dinyatakan dengan begitu banyak sekali dalam kitab-kitab muktabar Syi'ah seperti Al-Anwar An-Nu'maniyah, Al-Kafi dan juga seperti yang disebutkan Khatimatul Muhaddisin (penyudah ahli hadis) di sisi Mulla Baqir Al-Majlisi dalam kitabnya Biharul Anwar jilid 27 hal. 29: Ali bin Hussain a.s. berkata: "*Imam-imam boleh menghidupkan orang mati, menyembuhkan penyakit sopak dan buta serta berjalan di atas air, beliau berkata lagi: "Tidak ada sesuatu yang diberikan Allah kepada Nabi-nabi kecuali akan diberikannya kepada Nabi Muhammad s.a.w. serta diberikan juga kepadanya sesuatu yang tidak diberikan kepada Nabi-nabi sebelumnya. Dan setiap apa yang diberikan kepada Nabi Muhammad s.a.w. pasti akan diberikannya kepada Amirul Mukminin Ali a.s. bahkan kepada Hasan, Hussin a.s. kemudian kepada Imam-imam selepasnya sehingga hari kiamat dengan ditambah ilmu-ilmu yang baru (yang tidak dimiliki oleh Nabi-nabi) pada setiap tahun, pada setiap bulan dan demi Allah pada setiap saat."*

AGAMA ISLAM - Jelas terdapat dalam al-Quran dan hadits-hadits sahih menyatakan bahawa yang maksim hanyalah para rasul dan anbiya' sahaja. Oleh itu dalam hal-hal yang berkaitan dengan akidah, memerlukan kepada dalil-dalil yang qat'ie. Ini dijelaskan oleh ayat-ayat al-Quran seperti berikut yang bermaksud: "*Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu (sama ada al-Quran dan Hadits) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya." (An-Najm ayat 3 - 4)*

♦**SYI'AH - Ilmu Allah Berubah-ubah Mengikut Sesuatu Peristiwa Yang Berlaku Kepada Manusia (al-Bada').** Dari segi bahasa al-Bada' bermaksud lahir sesudah tersembunyi. Menurut akidah Syi'ah, al-Bada' ialah Allah mengetahui sesuatu perkara setelah berlaku peristiwa berkenaan yang sebelum itu dianggap tersembunyi daripada-Nya. Perkara ini jelas menganggap Allah itu jahil atau tidak mempunyai ilmu yang meliputi. Disebutkan oleh al-Tabatabai dalam kitab al-Usul Min al-Kafi oleh al-Kulaini juzu' 1 hal. 146: "*Al-Bada' ialah zahir perbuatan yang tersembunyi disebabkan ternyata tersembunyi ilmu kerana adanya masalah. Kemudian diluaskan penggunaannya, maka kami maksudkan dengan al-Bada' itu ialah lahirnya setiap perbuatan yang sebelumnya itu adalah tersembunyi (daripada Allah S.W.T)".*

AGAMA ISLAM - Pendapat yang mengatakan ilmu Allah berubah-ubah mengikut peristiwa yang berlaku kepada manusia adalah bertentangan dengan al-Quran al-Karim yang menyebut bahawa Allah mengetahui secara terperinci dan menyeluruh sepertimana yang dijelaskan oleh ayat-ayat berikut yang bermaksud: *"Allah mengetahui pengkhianatan (keserongan dan ketiadaan jujur) pandangan mata seseorang. Serta mengetahui akan apa yang tersembunyi di dalam hati."* (Surah al-Mukmin ayat 19). FirmanNya lagi: *"Sesungguhnya Allah tidak tersembunyi kepada-Nya sesuatupun yang ada di bumi dan juga yang ada di langit."* (Surah `A-li Imran ayat 3)

♦ **SYI'AH - Taqiyyah (berpura-pura)**. Taqiyyah merupakan konsep atau ciri utama yang tidak dapat dipisahkan dari fahaman Syi'ah. Taqiyyah pada hakikatnya adalah amalan "berdusta dan berbohong". Ini dijelaskan dalam kitab al-Usul Min al-Kafi, juzu' 2 oleh Abu Ja'far Muhammad bin Ya'qub bin Ishak al-Kulaini al-Razi, hal. 217: *Daripada Ibnu Abu Umair daripada Hisham bin Salim daripada Abu Umar al-A'jami katanya Abu Abdullah a.s. berkata kepadaku "Wahai Abu Umar, Sesungguhnya sembilan persepuluh daripada agama itu terletak pada Taqiyyah dan tidak ada agama bagi orang yang tidak mempunyai Taqiyyah dan Taqiyyah itu ada pada tiap-tiap sesuatu, kecuali dalam masalah arak dan menyapu dua khuf."*

Di tempat yang lain Imam Jaa'far As-Sadiq a.s. berkata kepada Sulaiman bin Khalid (perawi hadis): *"Wahai Sulaiman! Sesungguhnya engkau berada di atas agama yang sesiapa menyembunyikannya akan dimuliakan oleh Allah dan sesiapa yang menyebarkannya akan dihina oleh Allah."* (Al-Kafi jilid 2, hal. 222)

AGAMA ISLAM - Jujur dan amanah adalah merupakan ciri penting di dalam Islam sehingga ia menjadi salah satu syarat kesempurnaan iman. Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Tidak beriman orang yang tidak mempunyai sifat amanah."* (Riwayat Imam Ahmad). Kerana itu ulama Islam di zaman lampau tidak mahu menerima riwayat yang dikemukakan oleh Syi'ah lantaran jelas mereka mengamalkan pembohongan. Sehubungan dengan itu Imam Syafie berkata: *"Tidak pernah aku melihat golongan yang menurut hawa nafsu yang lebih pembohong dari golongan Syi'ah."* (Al-Kifayah, hal. 49, as-Suyuti, Tadrib Ar-Rawi, jilid 1, hal. 327)

♦ **SYI'AH - Mengkafirkan Para Sahabat Rasulullah s.a.w.** Perkara ini disebutkan dalam Kitab Bihar al-Anwar oleh al-Majlisi juz 27, hal 64-66: *Kebanyakan para sahabat adalah munafik, tetapi cahaya nifaq mereka tersembunyi di zaman mereka. Tetapi apabila wafat nabi s.a.w ternyata cahaya nifaq mereka itu melalui wasiat nabi dan mereka itu kembali secara mendundur ke belakang, dan kerana ini Saidina Ali berkata; "Semua manusia murtad selepas wafat nabi s.a.w. kecuali empat orang sahaja iaitu Sulaiman, Abu Zar, Miqdad dan Ammar, dan perkara ini tidak ada masalah lagi."*

AGAMA ISLAM - Keadilan dan kedudukan para sahabat yang tinggi telah sabit melalui al-Quran sendiri. Mengingkarinya bererti mengingkari al-Quran.

♦ **SYI'AH - Menghalalkan Nikah Mut'ah**. Iaitu kahwin kontrak tanpa wali dan saksi berdasarkan akad untuk tempoh waktu dan maskhwin tertentu sahaja (mafhum hadis Syi'ah dalam kitab al-Kafi jilid 5, ms 286). Di dalam riwayat yang lain daripada Abi Jaafar (Muhammad Al-Baqir) berkenaan mut'ah katanya: *"Ianya bukan termasuk daripada empat (isteri). Mereka tidak dicerai dan tidak mewarisi. Mereka hanyalah perempuan yang disewakan."* (al-Kafi jilid 5, ms 284). Dinyatakan dalam Kitab Man La Yahduruhu al-Faqih oleh Abu Ja'far Muhammad b. Ali b. al-Husain Babwaih al-Qummi, juzu' 1 hal. 358: *Adapun mut'ah maka sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah menghalalkannya dan tidak mengharamkannya sehinggalah baginda wafat. Abu Ja'far al-Baqir meriwayatkan dalam kitab Man La Yahduruhu al-Faqih Oleh Abu Ja'far Muhamad bin Ali bin al-Husain, hal. 358: "Bukan dari kami orang yang tidak mempercayai al-Raj'ah dan tidak menganggap halal mut'ah kita."*

AGAMA ISLAM - Nikah Mut'ah telah diharamkan oleh Nabi Muhammad s.a.w buat selama-lamanya sehingga hari kiamat menerusi hadits-hadits sahih sebelum baginda wafat dan salah seorang perawi hadits tersebut ialah Saidina Ali sendiri. Antara hadits-hadits tersebut ialah: Daripada Ali bin Abu Talib katanya: *"Bahawa Rasulullah s.a.w. melarang nikah mut'ah pada hari peperangan Khaibar dan melarang juga memakan daging keldai kampung."* (Riwayat Ibn Majah dan al-Nasai)



Gambar-Gambar Sekitar Perayaan Kufur Syi'ah Tatkala Menyambut 10 Muharram

AMALAN-AMALAN DAN AJARAN SYI`AH YANG BERTENTANGAN DENGAN AGAMA DAN FITRAH MANUSIA (Bersumberkan Kitab-Kitab Syiah)

Kaabah yang dibangunkan Syiah di Karbala



- Imam Ja'far as-Sadiq berkata: "Pada tanah perkuburan Husain a.s. terdapat penawar daripada segala penyakit dan ia adalah ubat yang paling besar". (*Man La Yahdhuru al-Faqih j.2 hal. 600, Tahzib al-Ahkam j.2 hal. 26*)

- Abu Hasan a.s. berkata: "Aurat itu ada dua iaitu qubul (kemaluan) dan dubur, dubur ditutup oleh dua papan punggung, apabila telah ditutup kemaluan dan dua telurnya maka auratnya telahpun ditutup". (*Al-Furu' min al-Kaafi j.6 hal.51, Tahzib al-Ahkam j.1 hal. 374*)

- Imam Hassan al-Askari berkata: "Sesungguhnya ibu-ibu kami tidak mengandung kami para imam di dalam perut mereka tetapi dipinggang dan kami dilahirkan bukan melalui rahim tetapi melalui paha sebelah kanan kerana kami adalah titisan cahaya Allah yang bersih dan dijauhkan daripada sebarang kotoran". (*Bihar al-Anwar j. 51 hal. 2, 13, dan 17, I'lam al-Wara hal. 394*)



Tulisan di atas Kaabah Syiah 'Ali Jaan' yang bermaksud 'Ali Adalah Nyawaku'

- Khomeini juga berpendapat demikian bila ia berkata: "Mengikut pendapat yang kuat dan masyhur harus menyetubuhi isteri pada dubur walaupun hal itu tidak disukai". (*Tahrir al-Wasilah masalah ke 11 hal. 241*)

- Abu Hasan bertanya Ja'far as-Sadiq tentang menyewa faraj, meminjamnya dan menghadiahkan kepada sahabat-sahabat lalu beliau berkata: "Tidak mengapa". (*Al-Istibsar j. 3 hal. 141*)

- Memenuhi kehendak syahwat seperti meraba dengan penuh syahwat, memeluk, mengacukan kemaluan ke paha kanak-kanak termasuk ke paha bayi yang masih menyusu adalah diharuskan. (*Khomeini, Tahrir al-Wasilah j. 2 hal. 216*)

TANDA-TANDA SESEORANG TELAH DIPENGARUHI / TERJEBAK DENGAN SYIAH

Ciri-ciri di bawah adalah sebahagian dari petanda seseorang yang menganut ajaran Syiah. Berwaspadalah jika anda dapati tanda-tanda sebegini ini tampak mula kelihatan pada orang-orang yang anda sayang.

- Senantiasa memuja Sayyidina Ali dan melebihkan beliau daripada Sayyidina Abu Bakar & Umar
- Memperlekeh dan memandang rendah kepada sahabat-sahabat Nabi s.a.w.
- Sering menghimpunkan (jamak) sembahyang Zuhur bersama Asar dan Maghrib bersama Isya' tanpa sebarang sebab.
- Meluruskan tangan ketika qiam dalam solat.
- Kaki tidak dibasuh ketika berwuduk sebaliknya hanya disapu sahaja.
- Sujud di atas batu Karbala ketika solat.
- Menepuk paha ketika memberi salam sesudah sembahyang.
- Tidak mahu makan ikan yang tidak bersisik.
- Melewatkan berbuka puasa sehingga hampir waktu Isya'.
- Memarahi orang yang puasa Asyura.
- Sering memperkatakan tentang keperluan kepada imam zaman ini (imam mahdi).

4 Kalimah Syahadah Syiah



Tiada Tuhan Melainkan Allah, Muhammad Pesuruh Alahi, Ali Khulifah Yang Dilantik Oleh Allah, Khomeini Hujah Allah

Maklumat lanjut berkenaan Syiah boleh didapati melalui laman web di bawah:

1. www.abunaaielah.blogspot.com
2. www.tenteradajjal.blogspot.com
3. www.hakekat.com
4. www.kr-hcy.com/shia
5. www.ansar.org/english
6. www.alburhan.com/